**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 30 Ogos 2018 (Khamis)

| AKHBAR | | | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1. Sinar Harian | - | Kadar Kompaun dikurangkan | 48 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**30 OGOS 2018 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Kadar Kompaun Dikurangkan |
| Muka Surat | 48 |



# Kadar kompaun dikurangkan

SINAR HARIAN 30/8 ms 48.

*SSM optimis insentif ini akan jadi pemudah cara orang awam bayar kompaun*

**KADAR PERATUSAN PENGURANGAN YANG DIBERI:**

| Tempoh Bayaran | Kadar Pengurangan* |
|---|---|
| 1 - 30 September 2018 | **RM80%** dari nilai asal atau minimum **RM200** (mana-mana yang lebih tinggi) |
| 1 - 31 Oktober 2018 | **RM70%** dari nilai asal atau minimum **RM300** (mana-mana yang lebih tinggi) |
| 1 - 30 November 2018 | **RM60%** dari nilai asal atau minimum **RM400** (mana-mana yang lebih tinggi) |
| 1 - 31 Disember 2018 | **RM50%** dari nilai asal atau minimum **RM500** (mana-mana yang lebih tinggi) |

INFOGRAFIK: SINAR HARIAN/EPIC

SURUHANJAYA Syarikat Malaysia (SSM) menawarkan insentif pengurangan kompaun sehingga 80 peratus sempena kempen 'Patuh Akta Syarikat 2016: Ambil Berat, Sayangi Syarikat' yang bertujuan memberi pemahaman, kesedaran dan peringatan kepada orang awam tentang keperluan dan peruntukan asas yang perlu dipatuhi secara berkala di bawah Akta Syarikat 2016.

Dalam satu kenyataan media, SSM memberitahu, insentif pengurangan kompaun bertemakan 'Mulakan Pematuhan Akta Baharu dengan Sifar Kompaun' akan berkuatkuasa 1 September 2018 sehingga 30 Disember 2018.

"Insentif ini akan menjadi pemudah cara bagi orang awam menyelesaikan kompaun yang masih belum dijelaskan.

"Bagi menikmati insentif pengurangan kompaun ini, pihak syarikat, pengarah-pengarah atau pemilik syarikat yang berkaitan boleh hadir ke Tingkat 26, Bahagian Pematuhan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur atau mana-mana kaunter Pejabat Negeri Suruhanjaya Syarikat Malaysia di seluruh negara," katanya sambil menyatakan pelancaran kempen dan insentif pengurangan kompaun ini telah diumumkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Saifuddin Nasution Ismail semasa merasmikan Persidangan Kebangsaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2018 (SSMNC2018) yang dianjurkan di Sunway Pyramid Convention Centre, baru-baru ini.




**Saifuddin Nasution semasa merasmikan Persidangan Kebangsaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2018 di Sunway Pyramid Convention Centre, baru-baru ini.**